

Kadar Vaksinasi Malaysia Antara Terbaik Di Dunia



Oleh: Nurizzah Abdul Latiff
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 30 Julai 2021

Pelbagai langkah strategik telah diambil oleh kerajaan untuk menangani penularan COVID-19 di negara ini termasuk melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).



Gambar hiasan

Matlamat imunisasi COVID-19 adalah untuk memutuskan rantaian wabak. Di samping itu, ia juga bertujuan melindungi kita semua daripada terus dicengkam wabak serta memulihkan semula ekonomi negara dan mengembalikan kehidupan normal bagi rakyat.

Menurut kajian, vaksin mengandungi antigen, yang diperolehi dari sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan.

Antigen dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan atau sistem imuniti tubuh sekali gus membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.

Melihat peningkatan mendadak jumlah kes baharu COVID-19 sehingga kini, dan angka kematian yang semakin membimbangkan, ancaman pandemik ini sememangnya sangat menggerunkan.

Sehubungan itu, saranan kerajaan yang meminta seramai mungkin rakyat mengambil suntikan vaksin perlu disambut baik oleh semua pihak.

Tindakan itu demi melindungi diri serta keluarga, di samping mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu penyuntikan vaksin terhadap 80 peratus penduduk Malaysia sebelum akhir tahun ini bagi mencapai imuniti kelompok.

Sebanyak 11 buah syarikat di seluruh dunia yang menghasilkan vaksin COVID-19. Antara pengeluar vaksin adalah Pfizer-BioNTech, AstraZeneca-Oxford, Sinovac, Novavax, PT Bio Farma, Janssen Pharmaceutica, Bharat Biotech, Institusi Gamaleya, CanSino, Sinopharm dan Moderna.

Kerajaan Malaysia hanya mengimport tiga jenis vaksin setakat ini iaitu Pfizer-BioNTech, AstraZeneca-Oxford dan Sinovac.

Negara-negara lain seperti Indonesia dan Singapura turut giat menjalankan program vaksinasi masing-masing. Berdasarkan data vaksinasi daripada Kementerian Kesihatan Indonesia, kira-kira 16 juta individu telah menerima dos pertama manakala 10 juta individu mendapat dos kedua.

Sementara itu, Pengerusi Fasiliti Rawatan Perubatan Singapura (MTF), Ong Ye Kung menyatakan, seramai dua juta individu telah menerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin, dengan lebih 1.4 juta individu telah menerima dos kedua dan selesai melalui vaksinasi penuh di republik berkenaan.

Di Malaysia sendiri, PICK mencatatkan kemajuan memberangsangkan apabila kadar pemberian dos pertama vaksin COVID-19 berbanding populasi Malaysia kini melepasi kadar purata di seluruh Asia.

Statistik Our World in Data menunjukkan, sebanyak 7.09 peratus daripada kira-kira 32 juta rakyat Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Peratusan itu adalah lebih tinggi daripada purata di benua Asia yang mencatatkan 6.39 peratus dan semakin menghampiri purata dunia iaitu 11.38 peratus dalam tempoh 100 hari pelaksanaannya.

Sidang Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-10 telah mengeluarkan fatwa berkenaan pengambilan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.



Penulis ketika menerima suntikan dos pertama dan kedua di Pusat Pemberian Vaksin Pasir Puteh.

Berdasarkan pengalaman peribadi saya sendiri yang telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Sinovac baru-baru ini, proses suntikan berjalan lancar dan mematuhi pematuhan operasi standard yang telah ditetapkan.

Masyarakat perlu membantu kerajaan dalam usaha mencapai imuniti kelompok seperti yang disasarkan. Adalah penting untuk kita melindungi diri, ahli keluarga dan masyarakat daripada terkena jangkitan COVID-19.